

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AKU302 - Institusi dan Pasaran Kewangan

Tarikh: 10 April 1987

Masa: 2.45 ptg. - 5.45 ptg.
(3 jam)

JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA. ANDA BOLEH PILIH MANA-MANA
SOALAN YANG DIKEHENDAKI. SETIAP SOALAN DIBERI MARKAH
YANG SAMA.

1. Terangkan perbezaan di antara debenture dan saham biasa. Apakah faktor-faktor utama yang mendorong pelabur memegang sekuriti-sekuriti tersebut?
2. Jelaskan maksud konsep perantaraan kewangan. Sejauh manakah bank-bank di Malaysia memainkan peranan sebagai perantaraan kewangan?
3. Bagaimanakah proses ciptaan kredit bank boleh berlaku dan apakah pula sekatan-sekatannya?
4. "Sistem kewangan yang lebih maju dapat memper-tingkatkan taraf hidup rakyat sesebuah negara". Bincangkan.
5. Bagaimanakah Akta Bank 1973 dan (Pindaan 1982) dapat memelihara orang awam?

...2/-

6. Apakah fungsi pasaran saham. Bincangkan kemungkinan keburukan dan kebaikannya ke atas ekonomi negara.
7. Terangkan konsep Model Letak Harga Harta Modal (CAPM), dan kira beta Syarikat XYZ di bawah.

Tahun	Pulangan Pasaran	Pulangan Saham XYZ
1	0.10	0.13
2.	0.15	0.20
3	-0.05	-0.10
4	0.05	0.05
5	0.00	-0.05
6	0.20	0.25
7	0.12	0.15
8.	0.06	0.06
9	0.07	0.10
10	0.10	0.12

8. Jumlah harta Bank ABC sebanyak \$110 juta, iaitu \$100 juta daripada Sumber Simpanan (deposits) dan ekuiti sebanyak \$10 juta. Kadar faedah 6% setahun dibayar ke atas simpanan dan kos pentadbiran sebanyak 1 peratus daripada purata baki simpanan. Kos ekuiti sebelum cukai adalah 20%. Bank ini dikehendaki memegang harta cair yang bebas daripada sebarang pulangan sebanyak 10% daripada simpanan. Pecahan struktur harta adalah seperti berikut:

(lihat di muka sebelah)

... 3/-

- 3 -

Rezab	-	\$10,000,000
Pelaburan sekuriti	-	\$30,000,000
Pinjaman	-	\$65,000,000
Harta tetap	-	\$ 5,000,000
		<hr/>
Jumlah harta	-	\$110,000,000
		=====

Berdasarkan kepada data di atas hitungkan

- (a) Kos simpanan
 - (b) Kos purata wajaran
 - (c) Pulangan yang harus diperolehi daripada portfolio pinjaman.
9. Huraikan dengan ringkas 4 daripada konsep berikut:
- (a) Pasar "Eurodollar"
 - (b) Tabung Wang Antarabangsa (IMF)
 - (c) Bursa Komoditi
 - (d) Pengalihan harta (Asset transmutation)
 - (e) Penyetujuan jurubank
 - (f) Sijil deposit boleh niaga
 - (g) Pasaran antara bank
 - (h) M_1 , M_2 dan M_3

-ooo000ooo-

